



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

CETAKAN SEMULA

---

**Akta 143**

## AKTA PERSEKUTUAN PENGAKAP-PENGAKAP MALAYSIA 1974

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
SECARA USAHA SAMA DENGAN  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD

2006

**AKTA PERSEKUTUAN PENGAKAP-PENGAKAP  
MALAYSIA 1974**

Tarikh Perkenan Diraja ... .. 30 Julai 1974

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... .. 22 Ogos 1974

*CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

*Cetakan Semula Yang Pertama* ... .. 1997

*Cetakan Semula Yang Kedua* ... .. 2001

**UNDANG-UNDANG****Akta 143****AKTA PERSEKUTUAN PENGAKAP-PENGAKAP  
MALAYSIA 1974**

---

**SUSUNAN SEKSYEN**

---

## Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Penukaran nama Persekutuan
3. Seksyen baru 13A



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 143

#### AKTA PERSEKUTUAN PENGAKAP-PENGAKAP MALAYSIA 1974

Suatu Akta bagi menukar nama Persekutuan Budak-Budak Pengakap Malaysia, memperuntukkan penalti bagi mana-mana kesalahan yang diperuntukkan dalamnya dan mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkenaan dengannya.

[23 Ogos 1974]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

#### **Tajuk ringkas**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia 1974.

#### **Penukaran nama Persekutuan**

2. (1) Persekutuan Budak-Budak Pengakap Malaysia yang diperbadankan di bawah subseksyen 3(1) Akta Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia (Perbadanan) 1968 [*Akta 409*] (kemudian daripada ini disebut “Persekutuan itu”) hendaklah selepas permulaan kuat kuasa Akta ini dikenali sebagai Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia dan semua sebutan dalam Akta itu dan dalam mana-mana undang-undang bertulis lain mengenai Persekutuan itu hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh kesahan atau kuat kuasa apa-apa tindakan, prosiding, pindah hak, pindah hakmilik, surat ikatan, urusan atau apa-apa jenis perbuatan *bona fide* yang telah diambil, dibuat atau dilakukan sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini oleh atau terhadap atau atas nama atau bagi pihak Persekutuan Budak-Budak Pengakap Malaysia.

**Seksyen baru 13A**

**3.** Akta Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia (Perbadanan) 1968 dengan ini dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 13 suatu seksyen 13A yang baru seperti yang berikut:

**“Penalti**

**13A.** Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Akta ini boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu bulan.”.

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 143****AKTA PERSEKUTUAN PENGAKAP-PENGAKAP  
MALAYSIA 1974**

## SENARAI PINDAAN

Undang-undang  
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa  
dari— TIADA —  

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 143****AKTA PERSEKUTUAN PENGAKAP-PENGAKAP  
MALAYSIA 1974****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
---------	---------------	-----------------------

— TIADA —

---